

# 30 staf UMSKAL hadiri Kursus Protokol dan Etiket Sosial

UB 28.10.2015 A2

LABUAN: Seramai 30 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengikuti Kursus Protokol dan Etiket Sosial pada 26 dan 27 Oktober lalu.

Kursus dua hari yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 11, Bangunan Menara itu dikendalikan oleh penceramah berpengalaman dari Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) Siti Meriam Hussein.

Skop ceramah yang

disampaikan merangkumi imej dan keterampilan diri, tata cara menghias diri, tata cara menghadiri majlis dan tertib di meja makan.

Selain itu, etika berpakaian semasa menghadiri majlis, penampilan diri dan berpakaian ke pejabat, protokol dalam pengurusan majlis, peranan penyambut tetamu, peranan pegawai pengiring dan pengacara majlis.

Beliau berharap kakitangan UMSKAL akan lebih peka dalam mengurus diri dan majlis rasmi kerajaan termasuk

majlis universiti.

Siti Meriam yakin sesuatu majlis itu akan berjalan lancar jika semua kakitangan dan pegawai yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa (AJK) pelaksana menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh.

“Kejayaan dan kegagalan sesuatu majlis akan menggambarkan imej organisasi terbabit sebagai penganjurnya,” katanya.

Kursus dua hari itu dianjurkan Bahagian Pentadbiran UMSKAL.